

## MEGA PA TAKAFUL - PRIME SHIELD

### PENDAHULUAN

Takaful adalah suatu skim saling bantu membantu berlandaskan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana Peserta seperti Anda sepakat untuk membantu satu sama lain secara kewangan sekiranya berlaku keperluan tertentu seperti yang telah ditetapkan. Dengan niat sedemikian, Peserta membayar Sumbangan berasaskan Tabarru' (Sumbangan) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang dikendalikan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful).

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab untuk memilih Peserta, menentu dan memungut Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada Peserta yang berhak. Semua perolehan dari pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana tersebut. Perhubungan antara Anda dan Kami adalah berlandaskan kontrak Wakalah.

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada dasar lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan dana, berasaskan kontrak Ju'alah, dan baki lima puluh peratus (50%) akan diperuntukkan kepada para Peserta yang Sijil belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana ini masih defisit, Qard akan diaturkan. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Sekiranya lebihan kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak Peserta. Dana amal akan diagihkan kepada badan-badan kebajikan yang berdaftar.

Pemohonan Anda untuk menyertai skim takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangani berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Sekiranya Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan takaful sekiranya berlaku kematian dan Hilang Upaya Kekal yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak takaful ini.

Kontrak takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

Terima kasih kerana memilih skim takaful ini yang dikendalikan oleh Etiqa General Takaful Berhad.

#### Ketua Pegawai Eksekutif

### APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Takaful tidak melindungi Anda daripada kesemua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada pernyataan Sijil.

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Sumbangan seperti yang ditetapkan dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Sijil ini menyatakan perlindungan takaful yang Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan keadaan-keadaan di mana Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, Kami akan menghantar satu salinan Sijil sahaja. Sila simpan Sijil ini di tempat yang selamat. Dalam kes pembaharuan dan/atau pindaan syarat Sijil, Kami akan menghantar Jadual pembaharuan dan/atau Endorsemen sahaja kepada Anda. Jika pada bila-bila masa Anda mahu salinan penggantian dokumen ini, sila hubungi Kami dan Kami sedia membantu.

### KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

#### 1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau Anda boleh hubungi Etiqa Online di 1300 13 8888.

#### 2. Kewajipan pendedahan sebelum takaful ini diberikan

- i) Apabila Anda telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab soalan-soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda selaras dengan remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

- ii) Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, takaful ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

### 3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh takaful ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful ini atau mana-mana Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini atau Sijil lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- i) meminta Anda membayar Sumbangan tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Sijil ini; atau
- iii) membiarkan terma, syarat dan Sumbangan Sijil seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

## DEFINISI

Melainkan dinyatakan atau ditakrifkan sebaliknya, definisi dengan tafsiran yang dinyatakan di bawah, akan digunapakai kepada Sijil ini.

**Anak** atau **Anak-anak** bermaksud anak kandung atau anak tiri atau anak angkat sah yang belum berkahwin, tidak mempunyai pekerjaan tetap, berumur di antara empat puluh lima (45) hari sehingga lapan belas (18) tahun (atau tidak melebihi dua puluh tiga (23) tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf).

**Ahli Isi rumah** bermaksud orang yang menetap di kediaman Anda selain daripada Ahli Keluarga.

**Ahli Keluarga** bermaksud pasangan Anda, ibu bapa, ibu dan bapa mertua, datuk dan nenek, anak, abang, kakak atau adik.

**Barangan Peribadi** bermaksud beg tangan, dompet dalam simpanan Anda bersama-sama dengan kandungan di dalamnya dan/atau barang-barang berharga atau barang kemas yang dibawa atau dipakai oleh Anda.

**Data Peribadi** bermaksud apa-apa maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada Anda dan meliputi mana-mana individu yang data peribadinya telah dikemukakan oleh Anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan Kami, termasuk mana-mana data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang Anda dan individu tersebut. Bagi tujuan penjelasan, data peribadi Anda mungkin boleh diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

**Doktor** bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar, yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat, dan yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Doktor yang merawat bukan Anda, Pasangan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.

**Endorsemen** bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma, dan syarat-syarat Sijil ini. Endorsemen ke atas Sijil ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.

**Hilang Upaya Separa Sementara** bermaksud Anda tidak berupaya untuk melaksanakan sebahagian besar daripada apa-apa kerja, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata akibat Kemalangan, seperti yang disahkan oleh Doktor.

**Hilang Upaya Menyeluruh Sementara** bermaksud Anda tidak berupaya untuk melaksanakan apa-apa kerja atau profesion untuk mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata akibat Kemalangan, seperti yang disahkan oleh Doktor.

**Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal** bermaksud bahawa Anda tidak berupaya untuk melaksanakan apa-apa kerja, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata akibat Kemalangan, tanpa peluang untuk pulih berdasarkan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa, akibat mengalami lumpuh menyeluruh dan kekal, kekal terlanjar sakit di katil atau tidak siuman.

**Hospital** bermaksud institusi yang menyediakan kemudahan penginapan untuk pesakit dalam dan kemudahan untuk diagnosis, pembedahan dan rawatan. Ia tidak termasuk rumah penjagaan jangka masa panjang, pusat pemulihan, pusat penjagaan orang tua atau kemudahan penjagaan lanjutan.

**Jadual** bermaksud Jadual Sijil di mana Manfaat dan Jumlah Yang Dilindungi dinyatakan.

**Ju'alah** ialah perkataan Arab yang bermaksud kontrak upah. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkenaan dengan kontrak takaful, ia merujuk kepada asas pengagihan perkongsian lebih daripada Dana Takaful Am yang dipersetujui antara Kami dan Peserta.

**Kami** bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

**Kecederaan Badan** bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Anda semasa Tempoh Takaful yang disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada Kemalangan. Ini tidak termasuk apa-apa keuzuran, penyakit, parasit, bakteria, jangkitan parasit atau virus walaupun dijangkiti daripada Kemalangan, atau apa-apa keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses hilang upaya atau disebabkan oleh sebarang punca yang berlaku secara berperingkat.

**Keganasan** bermaksud tindakan, atau tindakan-tindakan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau sebahagian orang awam, dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan penggunaan tersebut. Keganasan tersebut dilakukan secara bersendirian atau bagi pihak, atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan. Keganasan hendaklah juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan (yang berkaitan) sebagai tindakan keganasan dan/atau dikawal di bawah undang-undang yang berkaitan.

**Keganasan Rumah Tangga** bermaksud tindakan dari mana-mana aktiviti yang berikut:

- a) sengaja atau dengan niat, atau mencuba untuk meletakkan Anda dalam ketakutan akibat kecederaan fizikal;
- b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada Anda dengan sesuatu perbuatan, yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan menyebabkan kecederaan fizikal;
- c) mengarahkan Anda dengan paksaan atau ancaman untuk terlibat dalam sebarang perbuatan atau kelakuan, seksual atau sebaliknya, di mana Anda mempunyai hak untuk menolak;

- d) membataskan atau menahan Anda daripada kehendak sendiri; atau
- e) perbuatan khianat atau memusnahkan atau merosakkan harta dengan niat untuk menyebabkannya atau mengetahui ianya akan menimbulkan kesusahan atau kemarahan kepada Anda.

**Kehilangan Anggota** bermaksud amputasi antara pergelangan tangan dan bahu untuk lengan, atau antara buku lali dan pinggul untuk kaki, atau hilang upaya menyeluruh dan kekal bagi keseluruhan tangan, lengan, atau kaki.

**Kehilangan Pendengaran** bermaksud hilang upaya mendengar kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

**Kehilangan Penglihatan** bermaksud hilang penglihatan kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk sebelah mata atau kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

**Kehilangan Pertuturan** bermaksud kehilangan pertuturan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan dengan rawatan pembedahan atau lain-lain.

**Kejadian** bermaksud tempoh sebenar apabila insiden berlaku.

**Kemalangan** bermaksud kejadian yang tiba-tiba, tidak dirancang, tidak dijangka, luar biasa dan kejadian spesifik yang berlaku pada masa dan tempat yang dikenalpasti, bebas daripada apa-apa sebab lain, dan menjadi punca tunggal Kecederaan Badan.

**Manfaat** bermaksud manfaat seperti yang dinyatakan dalam Sijil, Jadual dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami di bawah terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Sijil ini bagi setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Sijil ini.

**Manfaat Mingguan** bermaksud pampasan yang boleh dibayar mengikut pada kadar mingguan.

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan**, atau **OPK** bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

**Orang Yang Dilindungi** dan **Anda** bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai Orang Yang Dilindungi dan mestilah seorang Warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, penduduk yang bekerja secara sah di Malaysia dan/atau Pasangan dan Anak-anak mereka yang tinggal secara sah di Malaysia.

**Pasangan** bermaksud suami atau isteri Anda di bawah perkahwinan yang diiktiraf oleh undang-undang Malaysia, berumur di antara lapan belas (18) dan enam puluh lima (65) tahun pada Tarikh Takaful Berkuatkuasa. Hanya seorang (1) Pasangan Sah yang layak dilindungi di bawah Sijil ini.

**Peserta** bermaksud orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai individu yang mempunyai hak sepenuhnya ke atas Sijil.

**Penama** bermaksud orang yang dinamakan oleh Peserta untuk menerima Manfaat takaful yang dibayar di bawah Sijil setelah kematian Anda. Penamaan tersebut mesti didaftarkan dengan Kami.

**Pengangkutan Awam** bermaksud pengangkutan berlesen dan mempunyai jadual dan laluan yang telah ditetapkan melalui darat, jalan air atau udara yang beroperasi sebagai satu bentuk pengangkutan awam, dan mana-mana orang awam boleh menaikinya di perhentian yang diiktiraf dan membayar tambang. Pengangkutan Awam termasuk perkhidmatan teksi tetapi tidak termasuk kenderaan yang disewa, koc persiaran atau apa-apa perkhidmatan yang disewa.

**Penghospitalan** bermaksud kemasukan ke Hospital sebagai pesakit dalam dan bagi tempoh sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut, dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit berdaftar yang tinggal semalaman atas cadangan atau syor oleh Doktor.

**Perlu Dari Segi Perubatan** bermaksud perkhidmatan perubatan yang:

- a) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim bagi hilang upaya yang dilindungi;
- b) mengikut piawai amalan perubatan yang baik, yang konsisten dengan piawaian penjagaan perubatan profesional semasa, dan mempunyai manfaat perubatan yang terbukti;
- c) bukan untuk kesenangan Anda atau Doktor, dan tidak dapat disediakan secara munasabah sewajarnya di luar Hospital (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam); dan
- d) bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, atau pencegahan atau yang bersifat pemeriksaan, yang mana caj yang dikenakan adalah adil, munasabah dan lazim untuk hilang upaya tersebut.

**Pihak Menuntut** bermaksud orang yang layak membuat tuntutan ke atas Manfaat takaful, mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil ini.

**Qard**, dalam konteks Sijil ini, bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan takaful. Pinjaman ini akan dibayar oleh lebih masa hadapan daripada Dana Takaful Am.

**Sijil** bermaksud kontrak takaful Anda yang mengandungi pernyataan Sijil ini, Jadual dan sebarang Endorsemen.

**Sumbangan** bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Sijil ini dan termasuk caj-caj yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**Rampasan** bermaksud penyitaan dan mengambil alih kawalan Pengangkutan Awam secara menyalahi undang-undang dari krew yang tetap dengan menggunakan atau mengancam menggunakan keganasan.

**Tempoh Takaful** bermaksud tempoh di mana Anda dilindungi.

**Tarikh Takaful Berkuatkuasa** bermaksud tarikh berkuatkuasa di dalam Jadual.

**Unit Rawatan Rapi** atau **ICU** bermaksud tempat di dalam Hospital untuk penyakit akut, yang menyediakan perkhidmatan dan peralatan tambahan, dipreskripsikan oleh Doktor dan dibillkan sebagai caj tertentu oleh Hospital.

**APA YANG DILINDUNGI OLEH SIJIL ANDA**

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat (RM)			
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
<b>Seksyen 1 – Kematian</b>				
Sekiranya, dalam Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Kematian, dalam masa dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh Kemalangan, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah:				
a) Setiap Dewasa	100,000	300,000	500,000	1,000,000
b) Setiap Anak	25,000	50,000	50,000	50,000
<b>Seksyen 2 – Hilang Upaya Kekal</b>				
Sekiranya, dalam Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal, dalam masa dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh Kemalangan, Kami akan membayar kadar Jumlah Manfaat yang berkaitan seperti yang dinyatakan di bawah:				
a) Setiap Dewasa	100,000	300,000	500,000	1,000,000
b) Setiap Anak	25,000	50,000	50,000	50,000
<b>Kadar Jumlah Manfaat Dibayar</b>				
1. Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%	100%	100%	100%
2. Kehilangan dua (2) anggota badan	100%	100%	100%	100%
3. Kehilangan Penglihatan pada kedua-dua belah mata	100%	100%	100%	100%
4. Kehilangan Penglihatan pada sebelah mata dan kehilangan satu (1) anggota badan	100%	100%	100%	100%
5. Kehilangan satu (1) anggota badan	50%	50%	50%	50%
6. Kehilangan Penglihatan pada sebelah mata	50%	50%	50%	50%
7. Kehilangan Pendengaran kedua-dua belah telinga	50%	50%	50%	50%
8. Kehilangan Pertuturan	50%	50%	50%	50%
Manfaat maksimum yang boleh dibayar di bawah Seksyen 2 adalah dihadkan kepada 100% daripada Jumlah Manfaat. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan oleh jumlah tersebut dari tarikh Kemalangan hingga tamat tempoh Sijil ini. Manfaat hilang upaya separa tidak akan dibayar.				
<b>Seksyen 3 – Indemniti Berganda</b>				
Jumlah Manfaat akan meningkat dua kali ganda sekiranya Kematian atau Hilang Upaya kekal seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 1 dan Seksyen 2 masing-masing berlaku dalam keadaan berikut:				
1. Anda menaiki Pengangkutan Awam;	Sehingga 200,000	Sehingga 600,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 2,000,000
2. Pengangkutan Awam yang dinaiki oleh Anda dirampas;				
3. Anda menjadi mangsa pembunuhan, dengan syarat kejadian itu bukan berpunca daripada atau berkaitan dengan penyertaan Anda sendiri atau provokasi daripada mana-mana perbuatan itu; atau				
4. Anda menjadi mangsa Keganasan, dengan syarat Anda samada secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh, secara aktif atau sebaliknya, tidak mengambil bahagian atau terlibat dalam mana-mana perbuatan sedemikian.				
<b>Nota:</b> Tuntutan di bawah indemniti berganda dibayar hanya untuk salah satu (1) perlindungan di bawah (1), (2), (3) atau (4) bagi setiap Kemalangan.				
<b>Seksyen 4 – Dana Pendidikan Anak-Anak</b>				
Sekiranya apa-apa Jumlah Manfaat dibayar di bawah Seksyen 1 atau Seksyen 2(1) Sijil ini, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	10,000 setiap anak	20,000 setiap anak
<b>Seksyen 5 – Tunai Ihsan bagi Keganasan Rumah Tangga</b>				
Kami akan membayar Tunai Ihsan bagi Keganasan Rumah Tangga terhad kepada satu (1) insiden dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan akibat Anda mengalami kecederaan peribadi atau kerugian kewangan atau kerosakan terhadap harta Anda akibat Keganasan Rumah Tangga.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	1,000	1,000
Kami tidak akan membayar bagi tuntutan-tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh orang lain selain daripada Ahli Keluarga atau Ahli Isi Rumah Anda. Kerugian, kecederaan atau kerosakan mestilah dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas berlakunya Kejadian tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada pihak polis secepat yang munasabah.				
<b>Seksyen 6 – Pengeluaran Tunai Mesin Juruwang Automatik (ATM)</b>				
Kami akan menggantirugi Anda bagi kehilangan wang tunai sehingga had Jumlah Manfaat dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan	500	1,000	2,000	3,000

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat (RM)			
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
<p>akibat dari penggunaan kad bank Anda tanpa kebenaran bagi pengeluaran wang tunai dengan paksaan atau ugutan oleh mana-mana orang yang tidak dikenali.</p> <p>Kerugian mestilah dilaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas berlakunya Kejadian tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada mereka secepat yang munasabah.</p> <p><b>Pengecualian-pengecualian yang diperuntukkan dibawah Seksyen 6</b> Kami tidak akan membayar bagi tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, atau akibat daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebarang kecuaihan, rampasan, kesilapan atau pengabaian dalam penerimaan, pembayaran atau pemindahan;</li> <li>2. Sebarang tindakan tidak jujur, penipuan atau jenayah Anda;</li> <li>3. Tanggungan bagi sebarang hutang kecuali Anda hendaklah setelah mendapati berlakunya sesuatu yang boleh menjadi asas tuntutan dengan segera melaporkan kepada pihak polis dan pengeluar kad menurut terma-terma dan syarat-syarat pengeluaran kad tersebut;</li> <li>4. Tanggungan sebarang hutang yang timbul dari kad tambahan yang dikeluarkan kepada Ahli Keluarga Anda;</li> <li>5. Tanggungan untuk sebarang hutang melalui pakatan sulit Anda atau Ahli Keluarga Anda; atau</li> <li>6. Kehilangan akibat daripada penggunaan kad Anda tanpa kebenaran oleh Ahli Keluarga atau Ahli Isi Rumah Anda.</li> </ol>				
<b>Seksyen 7 – Ragut</b>				
<p>Kami akan menggantirugi Anda bagi kehilangan atau kerosakan Barangan Peribadi Anda dan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan yang ditanggung bagi penggantian kad pengenalan peribadi, lesen memandu, pasport, kad-kad kredit dan/atau kad-kad bank yang dicuri atau dirosakkan oleh peragut atau penyamun jalanan sehingga had Jumlah Manfaat dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan.</p> <p>Had untuk wang tunai tidak akan melebihi Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500).</p> <p>Kami tidak akan membayar sekiranya kehilangan atau kerosakan berlaku di dalam rumah Anda yang Anda diami.</p> <p>Kehilangan atau kerosakan mestilah dilaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas berlakunya Kejadian tersebut. Kegagalan untuk melaporkan kepada pihak polis dan/atau pengeluar kad dengan segera tidak akan menyebabkan tuntutan Anda tidak sah sekiranya Kami berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan kepada mereka secepat yang munasabah.</p>	500	700	1,000	2,000
<b>Seksyen 8 – Penculikan</b>				
<p>Kami akan membayar sekali gus sehingga had Jumlah Manfaat untuk perbelanjaan yang ditanggung oleh keluarga Anda untuk mendapatkan semula Anda dan juga sebagai ganjaran untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Anda, dengan syarat Anda masih hidup pada masa penemuan. Dengan syarat bahawa perbelanjaan yang ditanggung di bawah seksyen ini tidak termasuk wang tebusan yang dituntut oleh penculik untuk membebaskan Anda.</p> <p>Pembayaran Manfaat ini adalah tertakluk hanya selepas pengesahan oleh pihak polis bahawa penculik telah menuntut wang tebusan untuk membebaskan Anda. Jika tiada tuntutan wang tebusan dibuat, Kami mempunyai budi bicara mutlak sama ada untuk membuat apa-apa bayaran atau tidak di bawah Manfaat ini.</p> <p><b>Syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8</b> Bayaran Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Anda mesti merahsiakan perlindungan takaful ini.</li> <li>2. Kami tidak akan bertindak sebagai orang tengah atau perunding kepada Anda, atau menawarkan nasihat langsung dalam berurusan dengan penculik.</li> <li>3. Bagi menentukan bahawa Anda telah atau mungkin diculik, ianya memerlukan waris/penama yang bertindak bagi pihak Anda untuk: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Menentukan sama ada Anda telah atau mungkin diculik;</li> <li>b) Memberitahu agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan dan mematuhi saranan serta arahan mereka;</li> <li>c) Memberitahu Kami dengan segera tentang penculikan atau jika mengesyaki ia berlaku;</li> </ol> </li> <li>4. Sekiranya siasatan mendedahkan pakatan sulit atau penipuan oleh Anda, Anda mestilah membayar balik kepada Kami sebarang</li> </ol>	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	10,000	20,000

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat (RM)			
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
<p>pembayaran yang telah dibuat di bawah seksyen ini.</p> <p>Jumlah Manfaat penuh akan dibayar sepenuhnya jika Anda belum dijumpai selepas tempoh satu (1) tahun dari tarikh penculikan itu.</p>				
<b>Seksyen 9 – Tunggakan Kad Kredit, Rumah dan/atau Sewa Beli Kenderaan</b>				
<p>Jika sebarang Jumlah Manfaat dibayar di bawah Seksyen 1 atau Seksyen 2(1) Sijil ini, Kami akan membayar tunggakan liabiliti kredit untuk kad kredit/caj, pinjaman perumahan dan/atau pinjaman sewa beli kenderaan peribadi dengan mana-mana bank pada tarikh Kemalangan sehingga had Jumlah Manfaat.</p> <p>Bayaran Manfaat ini akan dibayar terus kepada pihak bank, dengan syarat Anda tidak mempunyai sijil takaful atau polisi insurans lain yang melindunginya, jika tidak Kami hanya akan membayar jumlah lebihan yang mana tidak dilindungi oleh sijil takaful atau polisi insurans lain.</p>	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	8,000	10,000
<b>Seksyen 10 – Pendapatan Tambahan untuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal</b>				
<p>Sekiranya apa-apa Jumlah Manfaat dibayar di bawah Seksyen 2(1) Sijil ini, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini.</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat ini sekiranya Anda tidak bekerja atau tidak terlibat dalam mana-mana perniagaan yang berdaftar atau berlesen pada masa Kemalangan. Ini termasuk suri rumah sepenuh masa dan pelajar.</p>	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	100,000	200,000
<b>Seksyen 11 – Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (Manfaat Mingguan)</b>				
<p>Sekiranya dalam Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Hilang Upaya Menyeluruh Sementara, Kami akan membayar Jumlah Manfaat sehingga dua puluh empat (24) minggu, berkuatkuasa daripada tarikh pengesahan hilang upaya tersebut oleh Doktor.</p> <p>Manfaat ini hanya akan diguna pakai sekiranya Anda tidak pernah membuat apa-apa tuntutan di bawah Seksyen 2 Sijil ini.</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat ini sekiranya Anda tidak bekerja atau tidak terlibat dalam mana-mana perniagaan yang berdaftar atau berlesen pada masa Kemalangan. Ini termasuk suri rumah sepenuh masa dan pelajar.</p>	200 setiap minggu	400 setiap minggu	600 setiap minggu	1,000 setiap minggu
<b>Seksyen 12 – Hilang Upaya Separa Sementara (Manfaat Mingguan)</b>				
<p>Sekiranya dalam Tempoh Takaful, Anda mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Hilang Upaya Separa Sementara, Kami akan membayar Jumlah Manfaat sehingga dua puluh empat (24) minggu, berkuatkuasa daripada tarikh pengesahan hilang upaya tersebut oleh Doktor.</p> <p>Manfaat ini hanya akan diguna pakai sekiranya Anda tidak pernah membuat apa-apa tuntutan di bawah Seksyen 2 Sijil ini.</p> <p>Kami tidak akan membayar Manfaat ini sekiranya Anda tidak bekerja atau tidak terlibat dalam mana-mana perniagaan yang berdaftar atau berlesen pada masa Kemalangan. Ini termasuk suri rumah sepenuh masa dan pelajar.</p>	100 setiap minggu	200 setiap minggu	300 setiap minggu	500 setiap minggu
<b>Seksyen 13 – Penjagaan Ihsan</b>				
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat untuk perbelanjaan munasabah yang ditanggung dalam perjalanan dan penginapan untuk seorang (1) Ahli Keluarga atau Ahli Isi Rumah Anda untuk menjaga dan/atau menemani Anda, dalam tempoh Penghospitalan, dengan syarat Penghospitalan Anda adalah akibat Kemalangan dan disyorkan oleh doktor.</p>	Tidak Dilindungi	2,000	3,000	5,000
<b>Seksyen 14 – Perbelanjaan Pemulihan</b>				
<p>Sekiranya Anda mengalami Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan, Kami akan membayar balik kepada Anda, sehingga had Jumlah Manfaat bagi kos sebenar pembelian mana-mana peralatan perubatan yang berikut dengan syarat bahawa peralatan perubatan tersebut diperlukan untuk membantu pergerakan Anda dan disyorkan oleh Doktor:</p> <p>a) kerusi roda; b) lengan atau kaki palsu; dan/atau c) tongkat.</p>	500	1,000	2,000	3,000
<b>Seksyen 15 – Perbelanjaan Perubahan Cara Hidup</b>				
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat bagi kos yang ditanggung oleh Anda yang dianggap perlu untuk mengubahsuai tempat tinggal Anda, kenderaan Anda atau memindahkan Anda ke tempat tinggal yang lebih sesuai sekiranya Anda mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat Kemalangan.</p>	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	5,000	10,000

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat (RM)			
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
<b>Seksyen 16 – Penjagaan Pemulihan</b>				
Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat, sehingga tiga puluh (30) hari bagi setiap mana-mana satu Kemalangan, untuk caj penjagaan pemulihan yang dianggap perlu oleh Hospital selepas keluar daripadanya, dengan syarat kemasukan ke Hospital adalah disebabkan oleh Kemalangan.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	300 setiap hari	500 setiap hari
<b>Seksyen 17 – Tunai Ihsan</b>				
Sekiranya apa-apa Jumlah Manfaat dibayar di bawah Seksyen 1 Sijil ini, Kami akan membayar sekaligus Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini sekiranya Anda meninggal dunia akibat daripada Kemalangan.	2,000	3,000	4,000	5,000
<b>Seksyen 18 – Tunai Ihsan Ketidaksuburan</b>				
Kami akan membayar Anda sekaligus Jumlah Manfaat jika dalam Tempoh Takaful Anda mengalami kecederaan kepada organ-organ pembiakan (ovari, rahim, penis, skrotum dan/atau testikel) menyebabkan ketidakmampuan kekal dan menyeluruh untuk mengeluarkan semula ( <i>reproduce</i> ), seperti yang disahkan oleh Doktor.  Seksyen ini tamat selepas pembayaran Jumlah Manfaat yang kena dibayar di bawah seksyen ini.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	10,000	20,000
<b>Seksyen 19 – Elaun Tunai ICU Hospital</b>				
Kami akan membayar Jumlah Manfaat untuk setiap dua puluh empat (24) jam penuh sekiranya Anda dimasukkan ke Hospital, di dalam Unit Rawatan Rapi (ICU), untuk rawatan atau pembedahan, sehingga tiga puluh (30) hari bagi setiap Kemalangan.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	300 setiap hari	500 setiap hari
<b>Seksyen 20 – Elaun Tunai Hospital</b>				
Kami akan membayar Jumlah Manfaat untuk setiap dua puluh empat (24) jam penuh sekiranya Anda dimasukkan ke Hospital untuk rawatan atau pembedahan, sehingga tiga puluh (30) hari bagi setiap Kemalangan.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	150 setiap hari	250 setiap hari
<b>Seksyen 21 – Perbelanjaan Perubatan di Hospital</b>				
Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah bagi mana-mana satu Kemalangan bagi kos sebenar perbelanjaan perubatan dan Hospital yang perlu dan ditanggung, tidak termasuk semua perbelanjaan bilik dan makanan setiap hari. a) Setiap Dewasa b) Setiap Anak  Apa-apa perbelanjaan untuk rawatan tradisional atau alternatif adalah termasuk, dengan syarat bahawa rawatan itu dicari selepas apa-apa rawatan perubatan dan Hospital. Ini adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) bagi setiap lawatan dan maksimum Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh (RM150) bagi setiap mana-mana satu Kemalangan.  Mana-mana rawatan sedemikian mesti diberikan oleh seorang pengamal perubatan tradisional atau alternatif yang bertauliah, selain daripada diri Anda sendiri atau Ahli Keluarga Anda, yang didaftarkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.	500 150	2,000 600	3,000 900	5,000 1,500
<b>Seksyen 22 – Perbelanjaan Perubatan di Hospital untuk Bilik dan Makanan</b>				
Kami akan membayar balik kepada Anda untuk kos sebenar semua perbelanjaan bilik dan makanan harian yang perlu dan ditanggung, sehingga had Jumlah Manfaat sehingga enam puluh (60) hari bagi setiap mana-mana satu Kemalangan.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	300 setiap hari	500 setiap hari
<b>Seksyen 23 – Perbelanjaan Perubatan Pesakit Luar</b>				
Kami akan membayar balik kepada Anda kos sebenar Perbelanjaan Perubatan pesakit luar yang perlu dan patut ditanggung akibat Kemalangan, sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di bawah bagi mana-mana satu Kemalangan. a) Setiap Dewasa b) Setiap Anak	300 100	700 200	1,000 300	2,000 600
<b>Seksyen 24 – Fi Ambulans</b>				
Kami akan membayar balik kepada Anda caj sebenar yang dikenakan untuk perkhidmatan ambulans darat domestik yang perlu (termasuk pembantu) untuk menghantar Anda ke dan/atau dari Hospital akibat Kemalangan sehingga had Jumlah Manfaat.	500	500	500	500
<b>Seksyen 25 – Pembedahan Rekonstruktif Muka dan/atau Rawatan Pergigian</b>				
Kami akan membayar balik kepada Anda kos sebenar yang dibelanjakan sehingga had Jumlah Manfaat bagi Kemalangan dalam mana-mana satu				

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat (RM)			
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
<p>Tempoh Takaful tahunan bagi menjalani pembedahan rekonstruktif pada kepala, muka dan/atau leher, dan/atau rawatan kecederaan atau kerosakan kepada gigi semulajadi.</p> <p>a) Setiap Dewasa b) Setiap Anak</p> <p>Pembedahan rekonstruktif dan/atau rawatan pergigian tersebut adalah Perlu Dari Segi Perubatan dan dilakukan oleh pakar bedah atau pakar pergigian yang dilesenkan.</p>	Tidak Dilindungi Tidak Dilindungi	5,000 1,500	5,000 1,500	5,000 1,500
<b>Seksyen 26 – Graf Kulit</b>				
<p>Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat bagi mana-mana satu Kemalangan bagi kos sebenar untuk membuat pemindahan/penampalan kulit dan/atau melecur.</p> <p>Melecur bermaksud terbakar (sekurang-kurangnya tahap ke-2) dan pembedahan ini mestilah pada pandangan Pengamal Perubatan Perlu Dari Segi Perubatan.</p> <p>Kami tidak akan membayar untuk tuntutan pembetulan kecacatan muka selain disebabkan oleh Kemalangan dan/atau melecur.</p>	Tidak Dilindungi	3,000	5,000	10,000
<b>Seksyen 27 – Liabiliti Peribadi</b>				
<p>Kami akan membayar ganti rugi Anda untuk semua jumlah yang Anda bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk membayar berkaitan dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kecederaan Badan akibat Kemalangan terhadap mana-mana pihak ketiga; dan</li> <li>Kehilangan atau kerosakan harta akibat kemalangan terhadap pihak ketiga</li> </ol> <p>yang berlaku dalam had wilayah semasa Tempoh Takaful dengan syarat bahawa, jumlah yang boleh dibayar di bawah ini berhubung dengan mana-mana satu tuntutan atau siri tuntutan akibat daripada mana-mana satu sebab hendaklah dalam mana-mana kejadian tidak melebihi had Jumlah Manfaat.</p> <p>Kami akan membayar semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung tertakluk kepada persetujuan bertulis Kami dan had Jumlah Manfaat.</p> <p>Sekiranya Anda meninggal dunia, Kami akan membayar kepada wakil sah Anda ganti rugi berhubung dengan liabiliti yang Anda tanggung mengikut terma dan tertakluk kepada had Manfaat ini dengan syarat wakil tersebut akan dianggap sebagai Orang Yang Dilindungi mematuhi memenuhi dan tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Manfaat ini setakat mana yang ia digunapakai.</p> <p>Had wilayah Sijil ini adalah di dalam Malaysia sahaja.</p> <p><b>Pengecualian-pengecualian yang diperuntukkan di bawah Seksyen 27</b></p> <p>Kami tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Apa-apa liabiliti secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada: <ol style="list-style-type: none"> <li>pemilikan atau pendudukan mana-mana tanah atau bangunan selain daripada pemilikan atau pendudukan oleh pihak Anda atau rumah persendirian;</li> <li>usaha atau kegiatan Anda berkenaan mana-mana pekerjaan, perniagaan atau profesion;</li> <li>penggunaan kuda untuk berburu, berlumba atau kuda berhalang; dan</li> <li>penggunaan mana-mana kenderaan, pesawat udara atau pesawat air yang digerakkan secara mekanikal.</li> </ol> </li> <li>Liabiliti bagi Kecederaan Badan kepada Ahli Keluarga Anda atau kepada mana-mana orang di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Anda akibat daripada dan semasa pekerjaan orang demikian oleh Anda.</li> <li>Liabiliti bagi kehilangan atau kerosakan harta yang dimiliki atau di bawah jagaan atau kawalan Anda atau mana-mana orang yang bekerja dengan Anda.</li> <li>Apa-apa liabiliti yang dikenakan kerana suatu perjanjian tetapi yang tidak akan dikenakan dengan tiadanya perjanjian sedemikian.</li> </ol>	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	100,000	200,000

### PERLINDUNGAN TAMBAHAN

#### 1. Pendedahan

Kematian Orang Yang Diinsuranskan akibat tidak dapat mengelakkan diri daripada pendedahan kepada unsur-unsur semulajadi yang tidak dapat dielakkan akibat daripada Kemalangan.



## 2. Kehilangan

Sekiranya Anda hilang dan jasad Anda tidak ditemui dalam masa satu (1) tahun selepas kehilangan Anda, Kami akan membayar Manfaat kematian selepas meneliti semua bukti yang ada dan Kami berpuas hati bahawa kehilangan tersebut boleh dianggap bahawa kematian Anda berpunca daripada Kemalangan.

Seterusnya, sekiranya Anda didapati masih hidup, apa-apa bayaran yang telah dibuat mestilah dikembalikan kepada Kami.

## 3. Perlindungan Kerja-kerja Pejabat/Di luar Waktu Bertugas

Jika Anda dilindungi di bawah Sijil ini tetapi pekerjaan Anda atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda adalah termasuk di bawah mana-mana pekerjaan yang dikecualikan yang dinyatakan di bawah Apa Yang Tidak Dilindungi perkara 11 dan 12, Anda tetap akan dilindungi di bawah Sijil ini dengan syarat:

- Anda ditugaskan untuk melakukan tugas-tugas pejabat/dalam pejabat sahaja;
- Anda di luar waktu bertugas dan/atau selamat kembali ke daratan pada masa Kemalangan dan Kecederaan Badan tidak timbul semasa melaksanakan pekerjaan Anda atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan Anda.

# SYARAT-SYARAT

## 1. Kewajipan untuk mematuhi Syarat-syarat

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini sekiranya Anda sepanjang masa mematuhi terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat dalam Sijil ini.

## 2. Fraud/Penipuan

Sekiranya apa-apa tuntutan dibuat secara fraud/penipuan atau sebarang kaedah penipuan, termasuk menaikkan atau menambah tuntutan atau penyerahan dokumen palsu atau dipalsukan, yang digunakan untuk mendapatkan Manfaat oleh Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda, semua Manfaat di bawah Sijil ini akan terlucut hak.

## 3. Makluman, Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan

- Notis bertulis bagi apa-apa kejadian yang mungkin membolehkan untuk membuat tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tiga puluh (30) hari daripada tarikh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan.
- Anda mungkin diminta, atas perbelanjaan Kami, untuk menjalani pemeriksaan perubatan lanjut.
- Kami hanya akan membayar Manfaat sekiranya laporan perubatan, sijil perubatan, laporan polis, invois/ sebut harga dan resit-resit asal (untuk semua manfaat pembayaran balik) dan lain-lain bukti, yang Kami mungkin perlukan, dikemukakan atas perbelanjaan Anda.
- Untuk pembayaran Manfaat, apabila Anda mengemukakan resit atau discaj kepada Kami, liabiliti Kami akan berkurangan dengan membayar jumlah Manfaat atau tamat sekiranya Manfaat penuh telah dibayar.
- Kami mempunyai hak untuk menolak tuntutan yang Kami tidak berpuas hati dengan bukti yang sedia ada untuk mengesahkan:
  - Identiti Anda; atau
  - Keadaan yang menyebabkan kerugian.
- Sekiranya berlaku kematian, Kami berhak untuk mendapatkan laporan post-mortem atas perbelanjaan Anda.
- Kami akan membayar Manfaat yang perlu di bawah Sijil ini kepada Anda atau kepada waris Anda mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

## 4. Penamaan

- Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Sijil yang dibayar selepas kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis;
- Penamaan di bawah 4(a) boleh dibuat:
  - Semasa Sijil Takaful dikeluarkan; atau
  - Sekiranya Sijil Takaful telah dikeluarkan, dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis atau dengan menghantar Sijil untuk Endorsemen penamaan oleh Kami.
- Anda boleh menyatakan bahagian yang boleh dibayar kepada Penama. Sekiranya Anda tidak menyatakan bahagian tersebut, Kami akan membayar kepada Penama bahagian yang sama rata.
- Penamaan oleh Peserta untuk penama menjadi benefisiari di bawah syarat hibah bersyarat, walau dengan apa saja undang-undang bertulis, mempunyai hak untuk memindahkan hak milik, dan berdasarkan pindahan hak milik itu, Manfaat Sijil boleh dibayar kepada Penama selepas kematian Peserta. Manfaat sedemikian yang dipindahkan tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka Peserta yang meninggal itu atau tertakluk kepada hutangnya.

## 5. Penamatan Sijil

### a) Penamatan oleh Anda

Sekiranya Anda memberi notis secara bertulis kepada Kami untuk menamatkan perlindungan Anda di bawah Sijil ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh ia diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian. Kami akan membayar balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful.

### b) Penamatan Sijil Secara Automatik

Sijil ini akan ditamatkan:

- Selepas kematian Peserta;
- Selepas pembayaran apa-apa Manfaat di bawah Seksyen 1 atau 2(1) sehingga 2(4) kepada Peserta; atau
- Apabila Peserta tidak lagi bermastautin di Malaysia atau permit bekerja telah tamat tempoh atau telah dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

### c) Penamatan Manfaat Secara Automatik

Manfaat bagi setiap Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil ini akan ditamatkan:

- Selepas kematian Orang Yang Dilindungi;
- Selepas pembayaran apa-apa Manfaat di bawah Seksyen (1) atau 2(1) sehingga 2(4) kepada Orang Yang Dilindungi; atau
- Apabila Orang Yang Dilindungi tidak lagi bermastautin di Malaysia atau permit bekerja telah tamat tempoh atau telah dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Kecuali untuk perenggan (b)(i), (ii) dan (c)(i),(ii) di atas, Kami akan membayar balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

### d) Penamatan oleh Kami

Kami berhak untuk memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat Anda yang terakhir. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis. Kami akan membayar balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut.

**e) Masa Penamatan Berkuatkuasa**

Sijil ini akan tamat pada 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh penamatan berkenaan.

**6. Pembayaran Sumbangan – Tunai Sebelum Perlindungan**

Anda harus membayar Sumbangan sebelum perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa.

**7. Asas dan Pelarasan Sumbangan**

Sumbangan Anda adalah berdasarkan Umur Anda pada Tarikh Takaful Berkuatkuasa atau tarikh pembaharuan tahunan di dalam Sijil, mana-mana yang berkenaan.

Kadar Sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin akan dinaikkan atau diubah oleh pihak Kami semasa pembaharuan Sijil berdasarkan:

- a) Anak mencapai umur lapan belas (18) tahun;
- b) Anda mencapai umur enam puluh enam (66) tahun; atau
- c) Portfolio pengalaman tuntutan Kami dalam bidang perniagaan ini.

Sumbangan akan diubah semasa pembaharuan Sijil ini.

**8. Kelayakan**

Untuk melayakkan diri di bawah takaful ini, Anda mestilah berumur lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi enam puluh lima (65) tahun pada Tarikh Takaful Berkuatkuasa. Pasangan dan Anak-anak Anda juga layak mendapatkan perlindungan takaful ini. Anda boleh memperbaharui Sijil ini sehingga umur lapan puluh (80) tahun. Sijil ini akan tamat apabila Anda mencapai umur lapan puluh satu (81) tahun.

**9. Perjalanan ke Luar Negara dan Rawatan Perubatan**

Kami tidak akan membayar apa-apa Manfaat semasa Anda berada di luar Malaysia:

- a) sekiranya kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan berlaku ketika urusan perniagaan atau semasa percutian untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan berturut-turut dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tahunan; atau
- b) untuk mendapatkan rawatan perubatan.

**10. Fasal Timbang Tara**

Semua perselisihan, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Sijil ini akan dirujuk dan diputuskan oleh seorang Penimbang Tara. Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau sekiranya mereka tidak dapat memilih seorang Penimbang Tara yang dipersetujui bersama, dua orang Penimbang Tara akan dilantik untuk membuat keputusan, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Pelantikan hendaklah dibuat dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki berbuat demikian oleh pihak-pihak tersebut. Sekiranya pemilihan Penimbang Tara tidak mendapat persetujuan bersama, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara mengikut Pusat Serantau Kuala Lumpur (KLRC) untuk i-Kaedah Penimbang Tara. Pengadil hendaklah menetapkan dan mengisytiharkan keputusan yang ditentukan oleh Penimbang Tara hendaklah diperolehi dahulu sebelum apa-apa tindakan ke atas Kami. Tempat untuk timbang tara haruslah di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sekiranya Kami menafikan liabiliti kepada Anda untuk sebarang tuntutan yang berkenaan, tuntutan itu haruslah tidak melebihi dua belas (12) bulan daripada tarikh pertikaian yang telah dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini, maka tuntutan bagi semua maksud dan tujuan hendaklah dianggap telah diabaikan dan selepas itu tidak boleh dituntut.

**11. Tempoh Percuma**

Anda mempunyai hak untuk memulangkan Sijil ini dalam masa lima belas (15) hari selepas Kami menghantarnya kepada Anda, atas sebarang sebab. Sekiranya dipulangkan, Sijil ini akan dianggap tidak sah dari permulaan dan sebarang Sumbangan yang telah dibayar akan di bayar balik kepada Anda, selepas ditolak apa-apa pemeriksaan perubatan yang dikenakan.

**12. Tindakan Undang-undang**

Tiada tindakan undang-undang boleh dibuat di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas Bukti Kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Sijil ini. Tiada tindakan boleh diambil melebihi tiga (3) tahun selepas Bukti Kerugian bertulis diperlukan untuk dikemukakan.

**13. Perubahan dan Pertukaran**

Kami mempunyai hak untuk mengubah terma-terma dan peruntukan di dalam Sijil ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis awal bertulis secara pos berdaftar di alamat terakhir Anda di dalam rekod Kami, dan perubahan tersebut akan diguna pakai untuk pembaharuan Sijil seterusnya.

Tiada perubahan di dalam Sijil ini sah melainkan mendapat kebenaran daripada Kami dan telah disahkan.

**14. Pembaharuan Sijil**

Sijil ini akan berkuatkuasa bagi tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Takaful Berkuatkuasa dan boleh diperbaharui setiap tahun. Sijil ini boleh dibaharui mengikut pilihan Kami. Kami mempunyai hak untuk memperbaharui, membatalkan atau meminda mana-mana terma pada pembaharuan Sijil.

**15. Takaful Lain**

Tiada seorang pun boleh dilindungi lebih daripada satu (1) Sijil Mega PA Takaful – Prime Shield yang dikeluarkan oleh Kami. Sekiranya orang tersebut dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) Sijil sedemikian, Kami akan menganggap bahawa orang tersebut dilindungi di bawah Sijil pertama yang dikeluarkan atau yang menawarkan Manfaat paling tinggi (yang mana berkenaan) dan Kami akan mengembalikan sebarang Sumbangan yang telah dibayar oleh atau bagi pihak Orang Yang Dilindungi untuk perlindungan yang satu lagi.

Sekiranya pada masa mana-mana tuntutan di bawah Manfaat yang dilindungi di dalam Sijil ini dibuat secara pembayaran balik, terdapat perlindungan takaful atau insurans lain, sama ada dengan Kami atau syarikat-syarikat lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Kami hanya akan membayar mengikut perbandingan Kami yang sewajarnya.

**16. Notis Amanah atau Penyerahan Hak**

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, penyerahan hak atau lain-lain, seumpamanya yang berkaitan dengan Sijil ini.

**17. Fasal Had Sekatan**

Sijil ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

## **18. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan**

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Sijil ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

## **19. Mata Wang**

Semua pembayaran di bawah Sijil ini akan dibayar dengan Ringgit Malaysia.

## **20. Undang-Undang yang Terpakai**

Sijil ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

## **21. Subrogasi**

Sekiranya Kami bertanggungjawab bagi sebarang bayaran di bawah Sijil ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran tertentu untuk semua hak dan remedi Anda terhadap mana-mana pihak, dan adalah berhak atas perbelanjaan Kami sendiri untuk menyaman atas nama Anda. Anda akan memberikan atau akan menyebabkan untuk diberikan kepada semua bantuan tertentu dalam kuasa Anda sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedi dan atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Anda.

## **22. Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan**

Kami berhak mengubah terma-terma Sijil ini sebagaimana Kami fikirkan sesuai dan adil, sekiranya terdapat perubahan dalam percukaian, perundangan atau peraturan yang mempengaruhi Sijil ini. Kami akan memaklumkan kepada Anda dalam masa tiga (3) bulan sebelum Kami mengubah terma-terma di dalam Sijil ini.

Jika sebarang bekalan perkhidmatan dibuat di bawah Sijil ini adalah pembekalan barang bercukai di mana Cukai Barang dan Perkhidmatan Malaysia (GST) akan terpakai, maka Kami berhak untuk mengenakan cukai GST pada kadar yang telah ditetapkan dan Anda setuju membayar jumlah GST tersebut.

Jika GST tidak dibayar oleh Anda kepada Kami yang dikehendaki diperolehi semula melalui apa-apa proses perundangan atau jika GST tersebut atau mana-mana bahagian GST tersebut akan diletakkan di bawah peguam untuk tujuan kutipan, Anda perlu membayar (sebagai tambahan kepada GST dibayar) bayaran peguam Kami dan sebarang bayaran dan perbelanjaan yang ditanggung dalam membuat kutipan tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah undang-undang.

## **23. Tanggungjawab dan Hak Terhadap Data Perlindungan**

Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:

- a) Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa General Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd.;
- b) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;
- c) Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang dengannya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;
- d) Lain-lain syarikat insurans atau pengendali takaful dan wakil pengedar contohnya, bank, bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula;
- e) Pertubuhan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);
- f) Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;
- g) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau
- h) Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.

Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.

Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Sijil ini.

Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Dilindungi, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.

Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Online di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my).

## **APA YANG TIDAK DILINDUNGI**

Kami tidak akan membayar bagi apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:

1. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insurreksi, dahagi atau rampasan kuasa, kebangkitan tentera atau orang awam;
2. Sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, menyekat atau, dalam apa jua cara berkaitan dengan (1) di atas;
3. Penyertaan di dalam kegiatan pengganas, rusuhan, mogok, atau kekecohan awam;
4. Pengionan, radiasi atau pencemaran, akibat kegiatan radioaktif daripada sebarang bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear atau bahan senjata nuklear;
5. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan, semasa waras atau tidak waras;
6. Kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental yang sedia ada, penyakit, jangkitan bakteria atau virus walaupun dijangkiti daripada Kemalangan;
7. Provokasi fizikal dan keganasan oleh Anda, yang menyebabkan kecederaan fizikal atau kematian;
8. Latihan, berlatih atau mengambil bahagian dalam sukan berbahaya atau aktiviti-aktiviti seperti (tetapi tidak terhad) kepada:

- i) Aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan;
  - ii) Kembara dalam gua, memanjat atau mendaki gunung;
  - iii) Pemburuan, aktiviti kenderaan off-road, atau luncur air;
  - iv) Penerbangan atau lain-lain aktiviti penerbangan, melainkan sebagai penumpang berbayar dalam penerbangan biasa;
  - v) Payung terjun, terjun udara, luncur tangan, atau terjun bungee;
  - vi) Sebarang aktiviti perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
  - vii) Sukan profesional; atau
  - viii) Seni mempertahankan diri atau pergaduhan;
9. Penyertaan atau cubaan untuk melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau aktiviti jenayah, sama ada secara langsung atau tidak langsung;
10. Berada di bawah pengaruh, secara sepenuhnya atau sebahagiannya oleh kesan alkohol atau dadah (selain daripada ubat yang diambil menurut preskripsi rawatan dan diarahkan oleh Doktor tetapi mengecualikan ubat yang digunakan untuk merawat ketagihan dadah);
11. Terlibat sama ada sebagai pekerja, individu yang bekerja sendiri, sukarelawan, pelatih dalam bidang ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasaan undang-undang, skuad memadam api, atau perkhidmatan atau organisasi kawalan keselamatan;
12. Sebagai krew penerbangan udara, krew kapal, krew carigali minyak, atau sebagai penyelam atau nelayan;
13. Terlibat dengan kegiatan pelombongan, pembalakan, pertukangan kayu, kerja bawah tanah, meroboh, letupan, atau kuari;
14. Menggunakan perancah, atau bekerja di bahagian luar bangunan di atas tingkat bawah; atau
15. Melibatkan gas-gas, cecair, bahan-bahan letupan, beracun atau berbahaya.

## KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:  
Etiqa General Takaful Berhad  
Tingkat 13, Menara B, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: +603 2297 3888  
Nombor Faksimile: +603 2297 3800  
Etiqa Oneline: 1300 13 8888  
E-mel: info@etiqa.com.my  
Laman Web: www.etiqa.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

## PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan  
Etiqa General Takaful Berhad  
Tingkat 5, Menara B, Dataran Maybank  
No. 1, Jalan Maarof  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)  
Nombor Faksimile: +603 2785 3093  
E-mel: cmu@etiqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP) Bank Negara Malaysia juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

### **PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BPK**

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my  
atau  
Nombor Faksimile: +603 2272 1577  
atau

Alamat Pos:  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan  
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No.4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad daripada Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web OPK di [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my).

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

### **PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BPP**

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada BPP dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (sekiranya ada) antara Peserta atau Pihak Menuntut dan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon: 1300 88 5465  
Nombor Faksimile: +603 2174 1515  
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my